

RINGKASAN EKSEKUTIF

TAJUK	MEMOHON KELULUSAN PELAKSANAAN PROJEK MENDOKUMENTASIKAN AMALAN TERBAIK DI BAWAH PROGRAM PEMBANGUNAN NEXUS (SPN), 2019 DAN GARIS PANDUAN PEMBAYARAN KONTRA BAGI KHIDMAT PENULISAN AMALAN TERBAIK YANG DIJALANKAN OLEH MPC DAN PEMBEKAL.
TARIKH/TEMPOH	April-Disember 2019
OBJEKTIF	- Menyediakan garis panduan bagi pembayaran kontra ke atas khidmat penulisan amalan terbaik yang merangkumi aktiviti mengumpul amalan terbaik, menjalankan sesi temuramah dan penyuntingan artikel oleh pegawai MPC, dan juga pembekal luar (menghadiri temuramah, menulis artikel berbahasa English dan rekabentuk layout e-artikel) bagi pelaksanaan projek penulisan amalan terbaik menggunakan peruntukan Pembangunan Nexus (SPN) bagi tahun 2019. - Untuk mendokumentasikan 41 artikel amalan terbaik ke dalam bentuk e-artikel untuk tujuh Nexus (tidak termasuk nexus Professional Services dan Nexus Tourism telah mendapat kelulusan secara berasingan) bagi memberi idea dan panduan kepada organisasi-organisasi lain untuk turut membuat penambahbaikan di masa akan datang.
JUSTIFIKASI PEMILIHAN PEMBEKAL & PERKHIDMATAN	Pembekal perkhidmatan adalah seperti berikut : i. Pegawai MPC – mengumpulkan amalan terbaik, proses penyuntingan artikel dan mendapatkan kelulusan organisasi ii. Penulis luar – menulis artikel berbahasa English. iii. Syarikat percetakan – reka bentuk layout
FAEDAH	Faedah untuk industri : - Memberi panduan dan idea baharu bagaimana organisasi-organisasi ini berjaya melalui amalan-amalan terbaik yang boleh dicontohi; - Memberi inspirasi kepada industri untuk menerapkan nilai-nilai murni secara berterusan; dan - Menggalakkan industri untuk mengadaptasi amalan-amalan terbaik untuk peningkatan daya saing syarikat. Faedah untuk MPC : - Memenuhi sasaran kerja tahunan di bawah Inisiatif Produktiviti Nexus Peringkat Sektor; - Salah satu inisiatif untuk membentuk budaya cemerlang di kalangan industri dengan penyebaran amalan terbaik dari organisasi yang cemerlang. - Sebagai input untuk mengemas kini Portal Wayup dan BOND dan turut digunakan untuk penyediaan <i>speech input</i> dan Laporan Produktiviti; dan - Menyebarkan amalan terbaik terkini di kalangan warga MPC untuk meningkatkan pengetahuan mereka.
KOS	RM152,450 – Bajet Pembangunan Nexus (SPN)
JABATAN /BAHAGIAN /UNIT	Bahagian DMO dan Bahagian Khidmat Pengurusan & Kewangan (MSF)
BAKI PERUNTUKAN YANG ADA/ TANDATANGAN KETUA AKAUNTAN	
KOMEN/TANDATANGAN PENGURUS PCT	